



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXVIII]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 28 MAC 2013

[No. 12

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 168

[No. SPANS: P. 035380/114

PELANTIKAN MEMANGKU

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Intan Baizura binti Rumaling untuk memangku jawatan Guru Akademik, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah, Gred DG41 untuk tempoh mulai 1 Mac 2012 hingga 28 Februari 2013 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki mana yang lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: P. 024311/246

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Puan Rosina Daisy Julius untuk memangku jawatan Jurutera, Gred J48 untuk tempoh mulai 16 Julai 2012 hingga 1 Julai 2013 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki mana yang lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: P. 022166 Klt. II/46

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Werfred Jilimin untuk memangku jawatan Pemelihara Hutan, Gred G52 untuk tempoh mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki mana yang lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

PELANTIKAN MEMANGKU - (*samb.*)

[No. SPANS: P. 001589 Klt. III/115]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Mohd. Salleh bin Abbas untuk memangku jawatan Pemelihara Hutan, Gred G48 untuk tempoh mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki mana yang lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: P. 014948 Vol. II/289]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Encik Mashor bin Mohd. Jaini untuk memangku jawatan Pemelihara Hutan, Gred G54 untuk tempoh mulai 3 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki mana yang lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: P. 013550 Vol. II/186]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan pelantikan Dr. Yeo Boon Kiat untuk memangku jawatan Pengarah Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Jawatan Utama Sektor Awam Gred C, Gred VU7 untuk tempoh mulai 19 April 2013 hingga 18 April 2014 atau sehingga jawatan diisi secara hakiki mana yang lebih dahulu. Pelantikan memangku ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

No. 169

[No. SPANS: P. 009421 Klt. II/55]

PELANTIKAN MENANGGUNG KERJA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Ahmad Suhaimi bin Yacob untuk menanggung kerja jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Gred Utama C, Gred VU7 mulai 19 Januari 2012 hingga 6 Februari 2012. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: P. 030502/153]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Moktar bin Damam untuk menanggung kerja jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam, Gred S44 mulai 2 Julai 2012 hingga 31 Disember 2012. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

[No. SPANS: P. 032315/244]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Encik Mohd. Jumat bin Abd. Rajak untuk menanggung kerja jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam, Gred S44 mulai 9 Julai 2012 hingga 31 Disember 2012. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

No. 170

[No. JKM. PHB. 600-2/1/429 (12)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 60/2013 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Pembaikan Cerun Jalan Istana di Km. 0.19, Daerah Sandakan.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 28 Disember 2012.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/1/429 (12)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 60/2013 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Slope Remedial Works at Jalan Istana Km. 0.19, District of Sandakan.

Dated at Kota Kinabalu, this 28th day of December, 2012.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 171

[No. JKM. PHB. 600-2/1/433 (13)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 61/2013 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Menaik Taraf Jalan Tanjung Batu ke Pasir Putih, Tawau.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 28 Disember 2012.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/1/433 (13)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 61/2013 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Upgrading Works of Tanjung Batu to Pasir Putih Road, Tawau.

Dated at Kota Kinabalu, this 28th day of December, 2012.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 172

[No. JKM. PHB. 600-2/1/439 (11)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 62/2013 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Skim Pembetulan (Fasa 1), Tenom.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 28 Disember 2012.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/1/439 (11)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 62/2013 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Sewerage Scheme (Phase 1), Tenom.

Dated at Kota Kinabalu, this 28th day of December, 2012.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 173

[No. JKM. PHB. 600-2/3/141 (10)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 63/2013 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini Bab 69 mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Pembinaan Bekalan Air - Zon 4C, Keningau.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 28 Disember 2012.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/3/141 (10)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 63/2013 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Construction of Water Supply - Zone 4C, Keningau.

Dated at Kota Kinabalu, this 28th day of December, 2012.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 174

[No. JKM. PHB. 600-2/3/152 (10)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 64/2013 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini Bab 69 mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar Kg. Tanah Rata, Kunak.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 28 Disember 2012.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/3/152 (10)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land referred to in *Gazette* Notification No. 64/2013 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, for Rural Water Supply Kg. Tanah Rata, Kunak.

Dated at Kota Kinabalu, this 28th day of December, 2012.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 175

[No. JKM. PHB. 600-2/1/428 (19)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 65/2013 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Pembinaan Jalan Jempangah-Montenior, Beaufort.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 21 Januari 2013.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/1/428 (19)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 65/2013 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Construction of Jempangah-Montenior Road, Beaufort.

Dated at Kota Kinabalu, this 21st day of January, 2013.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 176

[No. JKM. PHB. 600-2/1/438 (12)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 66/2013 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Pembinaan Jalan Masuk ke Terminal Sabah Gas di Kg. Gayang, Tuaran.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 21 Januari 2013.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/1/438 (12)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 66/2013 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Construction of an Access Road to the Sabah Gas Terminal at Kg. Gayang, Tuaran.

Dated at Kota Kinabalu, this 21st day of January, 2013.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 177

[No. JKM. PHB. 600-2/3/150 (10)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 67/2013 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) 2011 dan 2012 (NKRA), Zon 14B di Ulu Maraba, Beaufort.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 21 Januari 2013.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/3/150 (10)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 67/2013 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the "Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) 2011 dan 2012 (NKRA), Zon 14B di Kg. Ulu Maraba, Beaufort".

Dated at Kota Kinabalu, this 21st day of January, 2013.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 178

[No. JKM. PHB. 600-2/3/153 (14)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 68/2013 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu bagi Skim Bekalan Air Tawau Fasa II (Empangan Tawau), Tawau.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 21 Januari 2013.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/3/153 (14)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 68/2013 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, for the Tawau Water Supply Scheme Phase II (Tawau Dam), Tawau.

Dated at Kota Kinabalu, this 21st day of January, 2013.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 179

[No. JKM. PHB. 600-2/5/32 (11)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

ARAHAN DI BAWAH SEKSYEN 5

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang disebut dalam Pemberitahuan *Warta* No. 69/2013 hendaklah diambil, tetapi pengisytiharan serta-merta bagi maksud itu adalah tidak mungkin dapat dibuat sehingga kerja-kerja pengukuran disiapkan; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 5 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri Bab 69 dengan ini mengarahkan bahawa pegawai yang diberi kuasa boleh melakukan apa-apa kerja di atas tanah yang berkaitan dengan penggunaannya yang bagi maksud itulah tanah itu dicadangkan untuk diambil, iaitu Pembinaan Laluan Jalan Masuk Talian Penghantaran 132KV dari Segaliud ke Telupid, Beluran.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 21 Januari 2013.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/5/32 (11)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DIRECTION UNDER SECTION 5

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land referred to in *Gazette* Notification No. 69/2013 should be acquired, but that until surveying work is completed, it is not possible to make an immediate declaration to that effect; now, therefore, in Cap. 69 exercise of the powers conferred upon him by section 5 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby directs that the authorised officers may do any works on the land connected with the use, to which the land is intended to be put on its acquisition, to wit, the Construction of Access Road of the 132KV Transmission Line from Segaliud to Telupid, Beluran.

Dated at Kota Kinabalu, this 21st day of January, 2013.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HJ. AMAN,
Chief Minister of Sabah.

No. 180

[No. KKT&P: 400-14/1/15/Jld. III (49)]

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH SEMPORNA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

Penyata Harta dan Tanggungan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran dan Nota Kepada Akaun Majlis Daerah Semporna bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut asas penerimaan dan pembayaran tunai. Menurut asas ini, hasil dan harta berkaitan diiktiraf semasa diterima dan bukan semasa diperolehi, dan perbelanjaan diiktiraf semasa dibayar dan bukan semasa dilakukan.

3. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian Penyata Kewangan secara keseluruhan.

4. Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan harta dan tanggungan yang berpunca dari urus niaga tunai bagi Majlis Daerah Semporna pada 31 Disember 2010 dan hasil serta pembayaran dalam tahun berakhir pada tarikh itu mengikut asas tunai.

RAMLEE BIN HJ. KARIAH,
*b.p. Ketua Audit Negara,
Malaysia.*

Kota Kinabalu.

Tarikh: 26 Julai 2011.

MAJLIS DAERAH SEMPORNA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI EKSEKUTIF YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH SEMPORNA

Saya, MOHD. JAAFAR BIN AMAT, selaku Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Semporna, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Hasil dan Perbelanjaan dan Penyata Harta dan Tanggungan Majlis untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota yang berkenaan, adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan mempercayai bahawa ianya benar.

Ditandatangani dan diakui dengan
sesungguhnya oleh MOHD. JAAFAR
BIN AMAT, di Majlis Daerah
Semporna pada 18 April 2011.

}

MOHD. JAAFAR BIN AMAT

Di hadapan saya,

A.M. IBNU HJ. A.K. BABA,
Majistret Kelas Dua, Semporna.

MAJLIS DAERAH SEMPORNA
PENYATA OLEH PENERUSI DAN PEGAWAI EKSEKUTIF

Kami, ABDUL MOHAMED IBNU BIN HJ. ABDUL KADIR BABA dan MOHD. JAAFAR BIN AMAT yang merupakan Pengerusi dan Pegawai Eksekutif Majlis, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Harta dan Tanggungan serta Penyata Penerimaan dan Pembayaran yang berikut ini berserta dengan nota-nota berkenaannya telah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang sebenar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Penyata Kewangan Majlis pada 31 Disember 2010.

Nama: A. M. IBNU BIN HJ. A. K. BABA,
Jawatan: Pengerusi.
Tarikh: 18 April 2011.

Nama: MOHD. JAAFAR BIN AMAT,
Jawatan: Pegawai Eksekutif.
Tarikh: 18 April 2011.

MAJLIS DAERAH SEMPORNA
PENYATA HARTA DAN TANGGUNGAN PADA 31 DISEMBER 2010

<i>Tanggungan</i>	<i>2010</i> RM	<i>2009</i> RM	<i>Harta</i>	<i>2010</i> RM	<i>2009</i> RM
Bantuan Kapital	-	-	Wang dalam Bank	1,034,169	1,808,217
Bantuan-bantuan Khas daripada Kerajaan Negeri	286,699	576,680	Wang Simpanan Tetap	3,000,000	3,000,000
Modal Pusingan bagi Rancangan Ekonomi Rakyat	-	-	Pendahuluan Persendirian	-	510
Pungutan bagi Pihak Agensi Kerajaan	-	3,571	Akaun Tertanggung	-	-
Pertaruhan Am	-	3,838	Pendahuluan Pinjaman Perumahan	-	-
Kumpulan Wang Berkumpul pada 1 Januari 2010 RM4,224,638	-	4,224,638			
<i>Tolak: Pembayaran Melebihi Penerimaan RM477,168</i>	<i>3,747,470</i>	<i>-</i>			
	<u>RM4,034,169</u>	<u>RM4,808,727</u>		<u>RM4,034,169</u>	<u>RM4,808,727</u>

A.M. IBNU BIN HJ. A.K. BABA
Pengerusi,
Majlis Daerah Semporna.

Bertarikh: 18 April 2011.

MAJLIS DAERAH SEMPORNA

PINJAMAN KERAJAAN NEGERI BERAKHIR 31 DISEMBER 2010

<i>Jumlah Pinjaman</i>	<i>Maksud Pinjaman</i>	<i>Tarikh Terima</i>	<i>Tahun Bayaran Balik</i>	<i>Kadar</i>	<i>Tempoh Bayaran Balik</i>	<i>Bayaran Balik Ansuran</i>	<i>Ansuran</i>	<i>Bayaran Balik Selexai</i>
RM						RM		RM
20,000	Pembelian Kereta Sampah	1968	1969/93	5¾%	25 Tahun	1,528	Ke-25	9,165 (1988-1993)
200,000	Pembinaan Dewan Masyarakat	1976	1977/96	5¾%	20 Tahun	17,084	Ke-20	153,756 (1988-1996)
100,000	Pembinaan Dewan Masyarakat	1976	1977/96	5¾%	20 Tahun	8,542	Ke-20	76,880 (1988-1996)
300,000	Pembinaan Dewan Masyarakat	1977	1978/2002	5¾%	25 Tahun	22,913	Ke-25	343,698 (1988-2002)
			JUMLAH:			RM50,067		RM583,499

MAJLIS DAERAH SEMPORNA
BANTUAN-BANTUAN KHAS DARIPADA KERAJAAN NEGERI

<i>Baki pada 1 Januari 2010</i>	<i>Jenis Bantuan</i>	<i>Baki pada 31 Disember 2010</i>
RM		RM
	KERAJAAN NEGERI	
